

SULIT

BAHASA MELAYU
Kertas 1
Pemahaman/011
Mei
2020
1 $\frac{1}{4}$ jam

SOALAN RAMALAN UPSR 2020 SEMESTER 1

Nama :

Kelas :

BAHASA MELAYU
Kertas 1 - Pemahaman

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan dalam **Bahagian A** diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C, dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baharu.

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

BAHAGIAN A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 8Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1. Maisha berasa _____ sementara menunggu namanya dipanggil untuk sesi temu duga pemilihan pengawas perpustakaan sekolahnya.

A. gusar	C. resah
B. bingung	D. gopoh

2. Api lilin itu kelihatan _____ apabila ditiup angin yang masuk melalui tingkap yang terbuka.

A. terliang-liuk	C. terkontang-kanting
B. terolang-alling	D. terpontang-panting

3. "Berhati-hati ketika _____ kayu api supaya kamu tidak cedera," pesan datuk kepada abang.

A. berkapak	C. mengapak
B. dikapak	D. pengapak

4. Kejadian banjir _____ tanah runtuh tidak akan berlaku _____ projek pembangunan dirancang dengan teliti.

A. baik ... mahupun	C. dengan ... serta
B. dan ... jika	D. jika ... lagipun


Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.

5. Mak Cik Silawati membasuh ikan keli yang _____ itu untuk dimasak makan tengah hari.

A. berlendir	C. berhabuk
B. berketul	D. berdebu

6. Tilam yang terkena tumpahan air teh itu _____ dicuci oleh kakak dan dijemur di bawah cahaya matahari.
- A. masih
B. hendak
C. pernah
D. telah
7. Baginda Sultan telah meraikan anak-anak yatim sempena hari _____ anakanda baginda.
- A. kemangkatan
B. keputeraan
C. keberangkatan
D. kemurkaan

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.



8. Fairus menjolok wau yang tersangkut di _____ pokok itu semasa bermain di padang sekolahnya.
- A. bawah
B. penjuru
C. dalam
D. atas
9.

Malang sungguh nasib Alia. Semalam rantai lehernya putus. Hari ini gelang tangannya pula patah.

Peribahasa yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah

- A. sudah terhantuk baru tergadah.
B. harapkan pagar, pagar makan padi.
C. sudah jatuh ditimpa tangga.
D. hilang di mata di hati jangan.

10. Ghazali membantu ayahnya memasukkan pisang ke dalam van untuk dijual di pasar tani.

Pilih **perkataan sinonim** bagi dijual.

- | | |
|---------------|----------------|
| A. dipasarkan | C. dibersihkan |
| B. disewa | D. dibeli |

11. Encik Ridzuan menggantung gambar yang cantik itu di dinding ruang tamu rumahnya.

Pilih **perkataan antonim** bagi cantik.

- | | |
|----------|----------|
| A. buruk | C. samar |
| B. hodoh | D. kabur |

12. Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.

Aidil membeli dua ikat pucuk paku di pasar malam dengan harga RM6.00.

- | |
|--|
| A. Mengapakah Aidil pergi ke pasar malam? |
| B. Berapakah harga pucuk paku yang dibeli Aidil? |
| C. Bilakah Aidil akan ke pasar malam? |
| D. Di manakah Aidil membeli pucuk paku? |

Soalan 13 dan 14

Pilih ayat yang **betul**.

13. A. Farisha berusaha demi untuk peperiksaan UPSR tahun ini.
 B. Hari Sukan Negara akan disambut di 10 Oktober 2020.
 C. Fadilah mengirim sekeping poskad ke suaminya.
 D. Pelancong lelaki yang tampan itu berasal dari New Zealand.
14. A. Seluruh penduduk Taman Kepayang saling menghormati antara satu sama lain.
 B. Di antara Aufa dan Aaira, Aufalah yang berbakat dalam teater.
 C. Semua para nelayan mendapat pampasan setelah bot mereka rosak dipukul ribut.
 D. Berbagai kemudahan disediakan bagi yang berminat dalam bidang teknologi maklumat.

Soalan 15

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

15. Murid-murid harus melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan kokurikulum di sekolah.
- A. Di sekolah murid-murid akan terlibat dalam aktiviti kokurikulum dengan aktif.
 - B. Kegiatan kokurikulum yang diadakan di sekolah perlu murid-murid yang aktif.
 - C. Murid-murid perlu bergiat secara aktif dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.
 - D. Aktiviti kokurikulum harus ada pelibatan yang aktif murid-murid sekolah.

Soalan 16 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Assalamualaikum, salam sejahtera.

Saya ingin menyuarakan keluh-kesah penduduk kampung tentang kegiatan sesetengah pihak yang tidak sepatutnya mereka lakukan dalam ruangan khas “Masyarakat Prihatin” akhbar *Cakna Harian* ini. Semoga aduan ini mendapat perhatian pihak berwajib.

Sejak akhir-akhir ini, kegiatan memburu haiwan yang dilindungi di kawasan Hutan Ulu Bernam semakin *melampau dan menjadi-jadi*. Kami mengesyaki pemburu-pemburu tersebut terdiri daripada orang luar dan memburu haiwan secara haram. Mereka berburu tidak kira waktu, kadang dari pagi hingga ke malam. Beberapa orang penduduk kampung yang sedang mencari rotan, damar dan petai terserempak dengan pemburu-pemburu itu. Mereka kelihatan risau dan takut-takut apabila terserempak dengan penduduk kampung. Tingkah laku pemburu-pemburu itu juga amat mencurigakan kerana mereka memburu pelanduk dan rusa sahaja.

Tiga hari yang lalu, penduduk kampung telah terserempak dengan pemburu yang sedang mengandar rusa dan pelanduk untuk dibawa keluar dari hutan tersebut. Kami amat bimbang jika kegiatan ini tidak dikawal, banyak haiwan akan dibunuh. Tambahan pula, haiwan-haiwan yang diburu itu merupakan haiwan yang dilindungi. Oleh itu, saya berharap agar pihak tuan dapat menyiasat perkara tersebut supaya haiwan-haiwan berkenaan tidak diancam kepupusan akibat kerakusan manusia. Kami juga sedia memberi kerjasama jika pihak tuan memerlukan bantuan.

Saya berharap semoga pihak tuan dapat mengatasi kegiatan pemburuan secara haram ini dengan segera. Segala perhatian dan tindakan tegas daripada pihak tuan sangat kami hargai. Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

16. Mesej yang hendak disampaikan oleh penulis dalam suratnya adalah tentang
- A. perasaan kecewa penulis. C. perasaan marah penulis.
B. perasaan bimbang penulis. D. perasaan tertekan penulis.
17. Apakah haiwan yang diburu oleh pemburu di hutan berhampiran kampung penulis itu?
- A. Ayam dan pelanduk C. Burung dan rusa
B. Rusa dan pelanduk D. Seladang dan lembu
18. Apakah harapan penduduk kampung kepada pihak berwajib?
- A. Menangkap pemburu yang memburu haiwan di kawasan mereka.
B. Memburu haiwan-haiwan di kawasan mereka.
C. Menangkap haiwan-haiwan yang diburu oleh pemburu haram.
D. Menyiasat pemburu-pemburu haram yang memburu haiwan lindungan agar tidak pupus.
19. Maklumat berikut adalah **benar** tentang petikan surat di atas, **kecuali**
- A. Penulis merupakan seorang pencari rotan, damar dan petai.
B. Ada kalanya pemburu berburu dari pagi hingga ke malam.
C. Penduduk kampung mahu pihak berwajib menyiasat aduan mereka.
D. Pemburu dikhuatiri tidak mempunyai lesen berburu yang sah.
20. Rangkai kata *melampau* dan *menjadi-jadi* dalam petikan bermaksud
- A. keterlaluan dan berleluasa. C. keterbatasan dan berlarutan.
B. keterbukaan dan merebak. D. keterlanjuran dan tersebar.

BAHAGIAN B

[30 markah]

Soalan 21

- (a) Pilih perkataan paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

bahawa	baharu	yang	pada
kerana	untuk	dari	daripada

- i. Azman sedang menikmati keenakan nasi lemak _____ dibeli di gerai itu.
- ii. Ayah memberitahu kakak _____ memakai baju yang jarang adalah kurang sopan.
- iii. Apabila memandu _____ Kuala Lumpur menuju Kota Bharu, pasti kita akan melewati Kuala Lipis, Pahang yang terkenal dengan durian.
- iv. Pekan Tambun dikenali sebagai destinasi pelancongan yang pesat membangun _____ banyak tempat menarik yang boleh dilawati.

[4 markah]

- (b) Nyatakan **betul** atau **salah** bagi ayat-ayat di bawah.

Contoh:

Segala para pengunjung di tapak perkelahan itu
dilarang membuang sampah di merata-rata tempat.

Salah


1. Ayah berasa tidak sihat maka mendapatkan rawatan di hospital.
2. Haiwan di Taman Negara dilindungi daripada sebarang kegiatan pemburuan.
3. Pasukan pendaki itu terpaksa lalu anak sungai itu untuk sampai ke tapak perkhemahan.

[3 markah]

Soalan 22


(a) Tandakan (✓) bagi **penjodoh bilangan** yang paling sesuai.

i.



gugus	<input type="checkbox"/>
naskhah	<input type="checkbox"/>
laras	<input type="checkbox"/>


ii.



pucuk	<input type="checkbox"/>
butir	<input type="checkbox"/>
laras	<input type="checkbox"/>

[2 markah]

(b) Nyatakan **peribahasa** yang sesuai berdasarkan gambar dan pernyataan di bawah.



Zulhelmi sungguh menyesal kerana malas bekerja sehingga ditinggalkan oleh keluarganya namun _____.

[2 markah]

Soalan 23

- (a) Tulis ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang diberikan untuk melengkapkan dialog di bawah.

Haikal : _____

Sarina : Saya mengulang kaji pelajaran dan membuat latihan setiap hari.

[2 markah]

- (b) Teliti maklumat di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PERMOHONAN BANTUAN MURID			
Jenis Bencana	Kelayakan Pendapatan	Bantuan Am Persekolahan	Bantuan Bulanan
Hilang punca pendapatan (hilang upaya, sakit tenat, meninggal)	< RM1 400	√	√
Tidak hilang punca pendapatan (kebakaran tempat tinggal)	Mengikut kadar paras garis kemiskinan nasional	√	X

Nota:

1. Kelayakan pendapatan untuk mendaftar dalam sistem e-kasih.
2. Nilai Bantuan Bulanan tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Tabung KWAPM.

- (i) Murid yang ibu bapanya hilang punca pendapatan layak menerima

_____ [1 markah]

- (ii) Pada pendapat kamu, apakah bentuk bantuan yang boleh dihulurkan kepada golongan yang memerlukan?

[3 markah]

Soalan 24

Teliti iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.


PERTANDINGAN MENULIS KARANGAN SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN

Tarikh : 13 Julai 2020
Masa : 8.30 pagi
Tempat : Dewan SK Desa Pandan

Syarat-syarat pertandingan:

- Terbuka kepada murid-murid tahap 2
- Penyertaan secara individu

Sila mendaftar nama kepada Encik Ridzuan (sesi petang)
Tarikh tutup penyertaan pada 8 Jun 2020



- (a) Siapakah guru yang bertanggungjawab untuk menguruskan pertandingan ini?

[2 markah]

- (b) Pada pendapat kamu, adakah aktiviti ini dapat melahirkan sikap patriotik?

[3 markah]

Soalan 25

Baca sajak di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

IBU DAN AYAH	
<p>Ibu Kaulah segalanya untukku Kaulah pembimbing Kaulah guru Kaulah pengubat tika duka Kaulah cahaya tika kelam</p> <p>Ibulah yang pertama Insan paling kusayang Insan yang paling kurindu Tetaplah disisiku wahai ibu</p> <p>Ayah Tanpamu siapalah kami Kasih sayangmu tiada sempadan Kudratmu kau perah Supaya kami kekenyangan</p>	<p>Ayah Walau kais pagi makan pagi kais petang makan petang Namun kau bahagia Melihat kami berselera Melihat kami gembira</p> <p>Ibu dan ayah Insan teristimewa Insan sempurna</p>

- (a) Berdasarkan sajak, siapakah yang diutamakan oleh penulis, ibu atau ayah?

[1 markah]

- (b) Apakah maksud rangkap kedua sajak di atas?

[2 markah]

- (c) Berdasarkan sajak tersebut, apakah peranan seorang ayah?

[2 markah]

(d) Apakah maksud kais pagi makan pagi, kais petang makan petang?

[3 markah]

Kertas soalan tamat

SKEMA JAWAPAN**BAHAGIAN A**

1. C
2. A
3. C
4. B
5. A
6. D
7. B
8. D
9. C
10. A
11. B
12. B
13. D
14. A
15. C
16. B
17. B
18. A
19. A
20. A

BAHAGIAN B**Soalan 21**

- (a) i) yang
ii) bahawa
iii) dari
iv) kerana
- (b) i) Salah
ii) Betul
iii) Salah

Soalan 22

- (a) i) laras
ii) butir
- (b) nasi sudah menjadi bubur

Soalan 23

- (a) Bagaimanakah kamu boleh cemerlang dalam peperiksaan?
- (b) i) bantuan am persekolahan dan bantuan bulanan.
- ii) Pada pendapat saya, antara bentuk bantuan yang boleh dihulurkan kepada golongan yang memerlukan ialah bantuan kewangan. Selain itu, kita juga boleh menghulurkan bantuan makanan. Contohnya, beras, gula dan tepung.

Soalan 24

- (a) Encik Ridzuan adalah guru yang bertanggungjawab untuk menguruskan pertandingan ini.
- (b) Pada pendapat saya, pertandingan menulis karangan sempena Bulan Kemerdekaan akan memupuk semangat patriotik. Murid dapat mengulang kaji lebih mendalam tentang kemerdekaan.

Soalan 25

- (a) Ibulah yang diutamakan daripada ayah.
- (b) Ibu adalah orang yang paling kita sayangi. Ibulah yang sentiasa dirindui dan sentiasa berada di sisi ketika susah dan senang.
- (c) Peranan seorang ayah adalah dengan mencari rezeki untuk keluarganya.
- (d) Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang bermaksud rezeki yang diperoleh hanya secukup-cukupnya sahaja.